



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	13/1/2020	MUKA SURAT	:	26
JABATAN	:	PAAB / LRA			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

PAAB bantu sekolah terkesan akibat pembinaan loji LRA Langat 2

PRIHATIN dengan kesan langsung yang dihadapi pelajar dan guru sekolah dengan pembinaan Projek Loji Rawatan Air (LRA) Langat 2, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) mengambil inisiatif melancarkan PAAB Schools Sustainability Programme 2019-2020.

Ketua Pegawai Eksekutif PAAB, Abdul Hadi Ali berkata, inisiatif fasa pertama itu melibatkan Sekolah Kebangsaan (SK) Dusun Nanding dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dusun Nanding di Hulu Langat serta SK Ampang dan SMK Taman Kosas di Ampang, Selangor.

"Pemilihan ini berdasarkan kesan langsung diterima akibat pembinaan LRA terbesar di Asia Tenggara ini seperti kerosakan struktur akibat pemasangan cerucuk dan paip di

sepanjang jalan dan kawasan terlibat.

"Inisiatif itu dilaksanakan di bawah program tanggungjawab sosial korporat (CSR) PAAB bagi membantu mereka yang terkesan sepanjang pembinaan LRA yang dijangka siap sepenuhnya pada penghujung 2022," katanya pada majlis pelancaran program berkenaan di Hulu Langat, Selangor baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi PAAB Datuk Seri Dr Nik Norzrul Thani Nik Hassan Thani.

Katanya, program itu juga merupakan sebahagian fokus libat urus PAAB dalam memberi pendedahan mengenai kepentingan memelihara sumber air, penjimatan air dan menghargai bekalan air bersih kepada 5,000 pelajar dan guru di semua sekolah berkenaan. - *Bernama*



ABDUL HADI (dua dari kiri) dan Dr Nik Norzrul bersama wakil sekolah yang menerima bantuan daripada PAAB.